



12 Januari 2016
12 January 2016
P.U. (A) 3

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA MAJU EXPRESSWAY) 2016

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (MAJU EXPRESSWAY HIGHWAY) 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA MAJU EXPRESSWAY) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Maju Expressway) 2016.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Januari 2016.

Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) Maju Expressway Sdn. Bhd. diberi kuasa bagi tempoh dari 13 Januari 2016 hingga 5 Disember 2045 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Maju Expressway yang bermula dari kilometer 0.00 di koordinat U 59301.224, T 23869.695 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 25.38 di koordinat U 81388.526, T 15988.536 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) termasuk tanjakan masuk dan keluar dan persimpangan di Bulatan Kampung Pandan, Persimpangan Tun Razak, Plaza Tol Salak Selatan, Persimpangan Hubungan Timur-Barat, Persimpangan Kuchai Lama, Persimpangan Bukit Jalil, Plaza Tol Seri Kembangan, Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan, Plaza Tol Utama Putrajaya, Persimpangan Hubungan Putrajaya dan jalan-jalan sambungannya, yang merupakan suatu jarak sepanjang 25.38 kilometer.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Pembayaran tol

3. (1) Tol yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum memasuki Plaza Tol Salak Selatan yang terletak di kilometer 4.00, Plaza Tol Seri Kembangan yang terletak di kilometer 16.00 dan Plaza Tol Utama Putrajaya yang terletak di kilometer 25.38 Lebuhraya Maju Expressway, semua jarak diukur dari kilometer 0.00 Lebuhraya Maju Expressway.

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan suatu kad atau peranti elektronik hendaklah melalui suatu lorong tol yang mempunyai suatu mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik di cermin hadapan kenderaan dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad elektronik atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” erti—

- (a) sesuatu kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;
- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan sesuatu tag elektronik, suatu tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

Pengecualian daripada pembayaran tol

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol.

Pembatalan

5. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya) 2008 [*P.U. (A) 15/2008*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 2(1)]

KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 13 JANUARI 2016 HINGGA 5 DISEMBER 2045

<i>Kelas Kenderaan</i>	<i>Tol Kena Dibayar</i>		
	<i>(RM)</i>		
	<i>Plaza Tol</i>	<i>Plaza Tol</i>	<i>Plaza Tol Utama</i>
	<i>Salak</i>	<i>Seri</i>	<i>Putrajaya</i>
	<i>Selatan</i>	<i>Kembangan</i>	
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk teksi dan bas)	2.00	2.20	3.50
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (tidak termasuk bas)	4.00	4.40	7.00
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (tidak termasuk bas)	6.00	6.60	10.50
4. Teksi	1.00	1.10	1.80
5. Bas	1.50	2.20	2.50

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesebuah kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.